

DR Mohd Zulkifli (kiri) dan Dr Norbik (kanan) bersama pelajar asing yang mengikuti pengajian di CASE, UTM.

Pakar tempatan kawal keselamatan ICT dunia

B.M 6/05/07 M/S 9

Pensyarah, lapan bekas pelajar UTM bergelar jutawan menerusi penubuhan Scan Associates Bhd

Scan Associates Bhd

RM30j

Anggaran kekayaan Dr Norbik

RM3j

Anggaran kekayaan pelajar

RM20,000

Bayaran perkhidmatan

KUALA LUMPUR: Hanya segelintir rakyat Malaysia pernah mendengar nama Pusat Kejuruteraan Perisian Termaju (CASE) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Itu pun mungkin kerana secara kebetulan mempunyai urusan dengan pusat itu.

Bagaimanapun, secara senyap CASE yang ditubuhkan pada 1996 mengharumkan nama negara dan dunia akademik apabila seorang pensyarahnya dan lapan graduan Sarjana Keselamatan Maklumat pusat itu kini bergelar jutawan.

Semua ini menjadi kenyataan dengan penubuhan Scan Associates Bhd, yang diasaskan Profesor Datuk Dr Norbik Bashah Idris, bersama graduan berkenaan yang ketika itu adalah pelajarinya, pada 9 September 2000.

Berdasarkan nilai semasa saham syarikat yang disenaraikan di Pasarana Mesdaq, Bursa Malaysia, Oktober lalu, nilai kekayaan Dr Norbik dianggarkan kira-kira RM30 juta, manakala lapan bekas anak muridnya, sekitar RM3 juta.

Dalam tempoh lapan tahun, SCAN Associates berkembang maju dan kini mempunyai pejabat cawangan di Jakarta, Riyadh, Jeddah, Dubai dan dalam perancangan di Sudan.

Mengimbu kembali penubuhan syarikat itu, Dr Norbik berkata, masalah sistem keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sering digodam pada 1990-an menyebabkan kerajaan menyedari bahawa keselamatan maklumat perlu ditangani secara serius.

Ketika era Koridor Raya Multimedia (MSC) baru diperkenalkan, katanya serangan penggadam menyebabkan gambar laman web agensi kerajaan digantikan dengan gambar pelik dan sesetengah maklumat dicuri.

"Mampu (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia) yang menyedari UTM mempunyai kepakaran menangani masalah itu mendapatkan perkhidmatan CASE. Saya bersama pelajar membuat analisis forensik, membetulkan kerosakan dan mengajar kakitangan agensi kerajaan untuk bertindak apabila serangan berulang.

"Walaupun secara percuma, kami melakukan yang terbaik. Banyak pihak terkejut kerana pelajar UTM mampu melakukan kerja macam ini. Malah, saya berani kata bahawa anak murid saya ketika itu adalah penggadam terbaik di dunia.

"Malah, mereka pernah memberikan kursus kepada penggadam Amerika Syarikat di Las Vegas," katanya pada pertemuan dengan *Berita Minggu*.

Perkhidmatan yang diberikan itu menyebabkan Dr Norbik ditawarkan memegang jawatan Pengarah Bahagian Keselamatan ICT Mampu, tetapi dengan nasihat Naib Canselor UTM, Profesor Datuk Dr Mohd Zulkifli Ghazali dan minat untuk terus mengajar menyebabkannya menolak tawaran itu.

Apabila graduan sarjananya menamatkan pengajian, timbul idea bahawa pengalaman meningkatkan sistem keselamatan maklumat kerajaan boleh dimanfaatkan untuk tujuan komersial dan ini membawa kepada penubuhan SCAN Associates.

Berbanding kerja secara percuma selama dua tahun sebelum itu, perkhidmatan sama kini dibayar antara RM15,000 hingga RM20,000.

Dr Norbik berkata, SCAN Associates berkembang pesat hingga mereka perlu bekerja pada malam Aidilfitri kerana ketika itulah penggadam sibuk menyerang sistem ICT.

Katanya, kesedaran terhadap keperluan keselamatan maklumat meningkat selepas peristiwa 9 September 2001



“Saya berani kata bahawa anak murid saya ketika itu adalah penggadam terbaik di dunia. Malah, mereka pernah memberikan kursus kepada penggadam Amerika Syarikat di Las Vegas”

Dr Norbik Bashah Idris
Pensyarah CASE

yang menyebabkan kebimbangan di seluruh dunia bahawa sistem ICT menjadi sasaran pegganas.

"Negara Islam yang tidak dilayan dengan baik oleh Barat beralih kepada negara sahabat lain untuk mendapatkan sumber teknologi dan skenario ini memberi peluang kepada SCAN Associates menerokai pasaran Timur Tengah," katanya.

Di negara berkenaan, katanya mereka melakukan perkara yang sama seperti di Malaysia dan membanggakan ialah kemampuan graduan Malaysia mendapat kepercayaan pemerintah negara Arab mengatasi syarikat keselamatan maklumat terkemuka Barat.

Sementara itu, Dr Mohd Zulkifli berkata, pembabitan Dr Norbik dalam SCAN Associates atau mana-mana pensyarah lain adalah dengan kebenaran Naib Canselor dan tidak mengabaikan tugas di universiti.

Ini diakui Dr Norbik yang memberitahu, walaupun sudah berjaya dengan SCAN Associates, tugasnya mengajar dan menyelia pelajar lanjutan semakin bertambah.

Dr Mohd Zulkifli berkata, kelonggaran diberi kerana UTM menggalakkan pensyarah mempraktikkan pengetahuan mereka seperti seorang arkitek membuka firma arkitek supaya bukan setakat pintar berteori, tetapi seorang profesional dan mempunyai sifat keusahawanan.

Bagaimanapun, katanya UTM mengambil 25 peratus daripada bayaran khidmat perundingan yang diterima oleh pensyarah dan untuk hak cipta, 50 peratus daripada hasil komersial kerana pensyarah menggunakan kemudahan universiti.

Beliau berkata, kejayaan pensyarah yang mengkomersialkan penyelidikan atau kemahiran hingga bergelar jutawan membuktikan ahli akademik tempatan mempunyai kepakaran bertaraf dunia

dan bukan hanya tahu berteori.

Selain itu, katanya keupayaan pensyarah CASE melahirkan graduan yang hebat dari segi kepakaran keselamatan maklumat dapat mengikis mentaliti rendah diri yang sering dikaitkan dengan graduan tempatan.

Katanya, UTM melalui CASE adalah antara segelintir universiti di Asia yang menawarkan pengajian dalam bidang perisian komputer dan keselamatan maklumat.

"Malah, syarikat Teknologi Maklumat terkemuka India, Infosys Technologies Ltd, pernah menghantar pegawainya ke UTM dan mengakui keupayaan CASE melatih pakar dalam bidang keselamatan maklumat," katanya.

Dr Mohd Zulkifli berkata, CASE yang membuat penyelidikan dalam bidang kejuruteraan perisian dan keselamatan maklumat mengambil kira-kira 40 pelajar setahun kini menjadi rebutan dengan kira-kira 75 peratus pelajar adalah warga asing, terutamanya dari Timur Tengah.

Malah, katanya pelajar asing sanggup membayar yuran pengajian selama tiga semester sebanyak RM25,000 secara tunai untuk menjamin mereka mendapatkan tempat.

Bagi meningkatkan pengambilan pelajar tempatan, katanya UTM sedang berunding dengan beberapa pihak untuk membiayai mengikuti kursus di CASE.

Dari peluang pekerjaan, Dr Norbik berkata, pelajar kursus keselamatan maklumat menjadi rebutan, malah pihaknya mendapat tahu bahawa pelajar yang mengikuti latihan di syarikat tertentu dibayar gaji penuh seperti kakitangan tetap.

"Mengikut peraturan ini tidak boleh, tetapi syarikat berkenaan lakukan secara senyap. Pelajar pula sudah tentu suka dapat gaji, berbanding elaun biasa," katanya.

INFO

Scan Associates Bhd

- Diasaskan oleh Profesor Datuk Dr Norbik Bashah Idris pada 9 September 2000.
- Disenaraikan di pasaran Mesdaq, Bursa Malaysia.
- Pejabat cawangan Scan Associates Bhd di Jakarta, Riyadh, Jeddah dan Dubai.

CASE

- Pernah memberi kursus kepada penggodam Amerika Syarikat di Las Vegas.
- UTM mengambil 25 peratus daripada bayaran khidmat perundingan yang diterima pensyarah dan untuk hak cipta, 50 peratus daripada hasil komersial kerana pensyarah menggunakan kemudahan universiti..
- Infosys Technologies Ltd, India menghantar pegawainya menjalani latihan di UTM.
- Pelajar asing sanggup membayar yuran pengajian selama tiga semester sebanyak RM25,000.



■ **MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaludin Jarjis (dua dari kanan) dan Dr Norbik (kiri) pada pelancaran prospektus Scan Associates Berhad, Ogos tahun lalu.**